

26 SEPTEMBER 2017

Adik-beradik pakar proses dadah, ubat tiruan dicekup

Adik-beradik pakar proses dadah, ubat tiruan dicekup

PULAU PINANG 25 Sept. - Kegiatan sepasang adik-beradik yang dipercayai menjalankan aktiviti memproses dadah dan ubat tiruan sejak empat bulan lalu terbongkar menerusi serbuan di sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Seri Rambai di sini Khamis lalu.

Dalam operasi kira-kira pukul 5.50 petang itu, sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik daripada Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri ini menahan seorang wanita berusia 44 tahun yang kemudiannya membawa kepada serbuan ke sebuah rumah lain yang terletak kira-kira 500 meter dari kediaman tersebut.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Roslee Chik, suspek menyewa rumah itu dengan harga RM700 sebulan untuk dijadikan makmal memproses barangan terlarang berkenaan berdasarkan penemuan empat mesin untuk kerja-kerja pembungkusan.

Kata beliau, selain itu, pihaknya turut merampas 7,135 biji pil ekstasi seberat lebih 0.3 kilogram (kg); dua bungkus plastik lut sinar berisi serbuk ekstasi (130 gram); dua kotak pil warna putih dan merah dipercayai ubat tiruan masing-masing seberat 20kg, sekotak ubat jenis Cypron (8kg) dan beg plastik berisi ubat jenis Con-tas 500 (10kg).

"Ubat-ubat ini dipercayai dijual terus kepada pembeli dan berfungsi untuk sakit tulang, se-



ROSLEE CHIK (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas dalam serbuan di Taman Seri Rambai, Bukit Mertajam, Khamis lalu dalam sidang akhbar di IPK Pulau Pinang, semalam. - BERNAMA

lesema dan demam.

"Kesemua dadah yang dirampas termasuk serbuk ekstasi seberat 2.13kg dan 1.3kg serbuk kafein dianggarkan bernilai RM769,250," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Jelas beliau, abang wanita itu yang berusia 46 tahun dipercayai merancang melarikan diri ke Miri, Sarawak selepas mengetahui adiknya ditahan polis.

"Bagaimanapun suspek berjaya diberkas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), Sepang, Selangor pukul 5.15 pagi keesokannya.

"Pemeriksaan ke atas suspek yang mempunyai rekod jenayah lampau iaitu terlibat dalam rusuhan pada 2016 itu tidak menemukan sebarang dadah, selain ujian air kencing kedua-dua suspek juga negatif.

"Mereka yang dipercayai tidak bekerja dan menjual dadah itu untuk pasaran tempatan ditahan reman sehingga 28 September ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," jelasnya.

Tambah Roslee, kesemua ubat tiruan yang dirampas akan dihantar ke makmal kimia untuk ujian kandungan yang berkemungkinan mengandungi campuran dadah.